

05/01/1999

Majlis Baca Puisi Ramadan tetap meriah

Abdul Jalil Ishak

MAJLIS Baca Puisi anjuran Pena di Rumah Pena sempena Ramadan al-Mubarak disambut sederhana tetapi meriah.

Ramai peminat sastera tanah air menyifatkan langkah Pena meneruskan majlis baca puisi setiap hari Jumaat malam Sabtu sebulan sekali dapat menyemarakkan minat orang ramai terhadap dunia puisi yang belum mendapat tapak yang benar-benar kukuh di hati masyarakat.

Majlis malam Sabtu lalu bukan saja dihadiri pemuisi yang sudah terpahat nama mereka dalam bidang kepuisian termasuk Dinsman, Fauziah Nawi, Sutung Umar R S, Sani Sudin dan Azmawi Md Noor, malah turut disertai pendatang baru yang berhasrat berjinak-jinak dengan dunia kepuisian.

Turut hadir pada majlis itu, penyanyi bersuara lunak tahun 60-an, A Rahman Hassan. Beliau mula-mula agak segan apabila dijemput oleh Borhan Md Zain, selaku pengacara untuk menyampaikan sajak atau nyanyian pilihan sendiri.

A Rahman kemudian kelihatan mengambil sebuah antologi dan dengan bersahaja, jari-jemarinya memetik gitar yang dipinjamnya daripada Kumpulan Koprata. Selaku penyanyi pujaan, suaranya masih parau dan kadang-kadang mengasyikkan.

Turut menyampaikan lagu puisi pada malam itu ialah Kumpulan Fauziah Nawi yang menyampaikan puisi Pelabuhan jauh, karya T Alias Taib. Fauziah sendiri menyampaikan dua lagu puisi, masing-masing berjudul Tuhan dan Sahabat dalam nada yang sungguh mempesonakan.

Dinsman pula memilih sajak Puisi Panjang Untuk Mahathir bagi mengingatkan nostalgia kecelaruan dan kebobrokan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan baik di desa, mahupun di kota.

Mungkin Dinsman berada dalam dilema untuk memilih antara perubahan dan tradisi hidup yang penuh penderitaan, atau dilema dalam menentukan hala tuju pembangunan mapan tanpa pencemaran yang dihadapi negara industri seperti Malaysia.

Sani Sudin daripada Kumpulan Koprata menghiburkan peminat dengan lagu-lagu puisi kontemporari daripada rangkaian lagu yang pernah dipopularkan penyanyi Ibni Riza.

Sutung Umar R S yang menyampaikan Hanya Kau Yang Kupilih, bagaikan berhasrat mengembalikan hakikat kebenaran bahawa insan perlu tunduk pada pencipta Maha Asa. Pengacara sendiri bagaikan tidak mahu ketinggalan, turut menyampaikan dua sajak, masing-masing berjudul Kesetiaan dan Sajak Panjang Untuk Israel.

Sesuai dengan tema Puisi-Puisi Ramadan, Aznawi Md Noor mengingatkan peminat akan kemuliaan malam Lailatul Qadar. Beberapa penyair muda turut mengambil bahagian membaca puisi masing-masing dengan gaya yang tersendiri.

Turut membaca puisi ciptaan sendiri ialah pendatang baru, A Halim Chin yang membaca dua puisi berjudul Nafiri Igbal Berkumandang Lagi dan Meditasi Kung Fu-Tze.

(END)